

TEKS UCAPAN PENUTUP

**YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

SEMPENA

**‘TAKLIMAT PERSEDIAAN TEMU DUGA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA’**

PADA

**25 MEI 2019 (SABTU)
12.00 TENGAH HARI**

BERTEMPAT DI

**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Shaik Abdul Malik bin Mohamed Ismail

Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

Universiti Sains Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Dr. Rabiatul Adawiyah binti Ahmad Rashid

Pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

Universiti Sains Malaysia

Yang Berusaha Encik Ros Rafizal bin Rosli

Setiausaha Bahagian

Bahagian Guru, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Seterusnya

Saudara dan saudari bakal graduan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia, USM

Assalamualaikum, Selamat Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku.

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya, pada hari yang berbahagia ini, kita dapat sama-sama berkumpul dan bertemu dalam Program Taklimat Persediaan Temu Duga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) di Universiti Sains Malaysia (USM). Saya difahamkan bahawa taklimat persediaan temu duga telah berlangsung sejak jam 10.20 pagi yang telah dikemudikan oleh Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris, Setiausaha SPP. Saya berharap sesi berkenaan dapat memberi sedikit gambaran kepada bakal graduan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) USM akan persediaan menghadapi temu duga sekiranya berjaya dipanggil oleh SPP kelak.

2. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) USM kerana sudi mengundang SPP bagi menyampaikan taklimat dan seterusnya menjadikan program ini sebagai satu platform pertemuan dan perbincangan berhubung isu-isu pengambilan Graduan Lulusan Pendidikan khususnya dari PPIP USM. Penganjuran taklimat ini adalah hasil daripada Program Jelajah Universiti Awam yang diketuai YBhg Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib,

Timbalan Pengerusi SPP bersama Pihak Pengurusan Fakulti/ Pusat Pendidikan USM mahupun Universiti Utara Malaysia yang diadakan baru-baru ini di USM. Program Jelajah Universiti Awam merupakan program baharu Suruhanjaya yang bertujuan memberi peluang kepada pihak pengurusan Universiti bertemu, berbincang dan mengutarakan persoalan atau permasalahan berkaitan dengan pengambilan graduan pendidikan lepasan Universiti Awam (UA).

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada PPIP USM kerana mengambil inisiatif untuk mengundang SPP memberi taklimat penyediaan temu duga kepada bakal graduan fakulti ini. Langkah ini menjadikan USM antara Universiti Awam terawal yang ingin memastikan bakal graduan bidang pendidikan mereka yang akan memasuki alam pekerjaan dapat bersedia apabila berhadapan dengan panel temu duga kelak khususnya yang berhasrat menjadi warga pendidik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Selain itu, usaha ini juga merupakan hasrat SPP dalam merakyatkan fungsi-fungsi Suruhanjaya ini supaya dapat dikenali dan difahami oleh orang awam terutama para graduan yang berminat menjadi Sektor Pendidikan Kerajaan sebagai kerjaya mereka.

4. Walaupun telah disentuh Datuk Setiausaha SPP semasa taklimat sebelum ini, saya juga mengambil kesempatan sekali memperkenalkan serba sedikit mengenai SPP yang merupakan Pihak Berkuasa Melantik kepada Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) yang pada masa ini berjumlah lebih daripada 400 ribu. SPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974 atas syor Laporan Suruhanjaya Diraja Aziz mengikut Fasal 1 Perkara 141A, Perlembagaan Persekutuan yang berfungsi dalam urusan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat Ketua Pengarah Perkhidmatan Pelajaran dan kawalan tatatertib. SPP yang terletak terus di bawah YAB Perdana Menteri dan bertanggungjawab ke atas Jabatan Perdana Menteri dapat saya simpulkan satu-satu agensi yang kuasa *Hire and Fire* bagi APP.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Berdepan dengan situasi semasa, isu berhubung panggilan temu duga dan pengambilan APP sering menjadi perdebatan. Terus terang saya katakan, walaupun seseorang graduan yang mempunyai ikhtisas dalam pendidikan tidak semestinya akan menjawat jawatan dalam perkhidmatan pendidikan. Ini kerana dengan faktor lebihan penawaran, bakal graduan UA juga akan bersaing dengan graduan pasaran

terbuka. Justeru, sesi taklimat ini bukanlah pemutus bahawa graduan PPIP akan terus mendapat tempat dalam perkhidmatan pendidikan tapi lebih kepada persediaan sebagai calon temu duga yang mempunyai pakej lengkap. Melalui sesi ini, para graduan PPIP mempunyai kelebihan berbanding dengan graduan-graduan dari Universiti Awam yang lain sekiranya berhadapan dengan Panel Temu duga nanti.

6. Saya percaya, dengan taklimat yang telah diberikan sebentar tadi telah dapat memberikan sedikit gambaran bagaimana anda semua perlu bersaing di dalam bilik temu duga. Apa yang penting perkemaskan keterampilan diri dan sikap, pengetahuan am, isu semasa pendidikan, keupayaan berfikir, kemahiran berkomunikasi dan pengetahuan bidang tugas serta ikhtisas agar setiap seorang daripada anda yang berada di hadapan saya ini akan diperakukan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) atau Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT).

7. Sesi temu duga yang akan dihadapi para graduan PPIP nanti merupakan langkah pertama sebelum diterima masuk menjadi warga pendidik lantikan tetap yang akan berkhidmat secara purata 30 tahun dalam Sektor Pendidikan. Suasana ini sangat berbeza jika dibandingkan semasa para graduan terlibat dengan praktikal khususnya ditahun akhir. Lengkap diri anda

dari aspek mental dan fizikal sebaik sahaja berjaya dan ditempatkan oleh KPM dimana-mana sekolah diseluruh negara. Peringatan saya, tugas pendidik adalah tugas mulia dan ia menjadi mudah dilaksanakan jika graduan menghayati dan menjiwai (*passion*) kerjaya tersebut. Insyallah

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Selain program dan taklimat seperti ini, SPP juga komited dalam usaha mempertingkatkan kemahiran dan daya saing PPP dan PPPT. Usaha ini meliputi pelaksanaan seperti Program Bersepadu SPP yang merangkumi beberapa program turun padang SPP. Ini termasuk program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Negeri, satu program di mana Ahli Suruhanjaya berkongsi pengalaman dan kemahiran sebagai pendidik bersama PPP dan PPPT di Negeri-Negeri. Selain itu program ini juga melibatkan pelaksanaan program Konsultasi Perkhidmatan dan Tatatertib yang dilihat dapat memperkemas urusan perkhidmatan dan tatatertib di peringkat Jabatan.

9. Alhamdulillah dengan pengenalan Program Bersepadu sejak tahun 2017, APP di Negeri-Negeri dapat bertukar-tukar pendapat dan pengalaman selain dapat dilihat penurunan kes-kes perkhidmatan dan tatatertib yang selama ini membebani Jabatan. Transformasi inilah yang menjadi keutamaan SPP kini

agar APP yang akan dilantik menepati motto Dinamik, Efektif dan Berintegriti.

10. Saya berharap inisiatif yang diambil oleh USM ini akan menjadi ikutan Universiti Awam lain dalam usaha mempersiapkan graduan fakulti pendidikan mereka agar menjadi calon yang lebih kompeten apabila dipanggil sebagai calon temu duga kelak. Taklimat yang telah diberikan sebentar tadi seharusnya diamati agar anda semua benar-benar bersedia semasa temu duga seterusnya berjaya dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan atau Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi. Harus diingat ilmu yang ditimba semasa sepanjang sesi pengajian perlu seimbang dengan *soft skills* agar PPP atau PPPT yang memasuki perkhidmatan benar-benar layak dan berkualiti.

10. Sebelum saya menamatkan ucapan, maka dengan dengan lafaz bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini menutup Taklimat Urusan Temu Duga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.

Sekian, terima kasih.